

Kawalan ke atas kegiatan badan2 seni pertahankan diri perlu cara menyeluruh...

MINGGU lalu bermesyuaratlah anggota-anggota Badan Kesenian Melayu Singapura (BKMS) untuk membincangkan antara lain-lain perkara, samada badan itu akan menganggotai Jawatankuasa Penasihat Silat Majlis Sukan Singapura.

JAN 1975

Mesyuarat bersesttu menyerahkan soal itu kepada tiga orang guru silat (atau lebih tepat, menyerahkan kepada Jawatankuasa Pusat) untuk memutuskan.

Dari perbincangan dalam mesyuarat itu, ternyata se kali ramai anggota persatuan tersebut yang masih samar-samar terhadap masalah yang cuba dipecahkan. Kerana itulah, kepu-

tusan yang dibuat di akhir mesyuarat, dapat dikatakan pa ling selamat.

Apa yang perlu dilakukan sekarang oleh Jawatankuasa Pusat BKMS ialah bertanya kepada pihak-pihak berkenaan tentang keduakan perkara yang sebenar. Dapatkan gambaran yang jelas. Hilangkan semua kesamaran.

Jawatankuasa Penasihat Silat dibentuk (hanya untuk sementara) atas inisiatif Majlis Sukan. Ia sebenarnya beruraya untuk membentuk sebuah badan yang antara fungsi utamanya kebakal ialah mengawal kegiatan - kegiatan silat di sini.

Ini perlu dilakukan kerana pada masa ini tidak ada sebuah badan atau persekutuan yang mengawal kegiatan-kegiatan silat di sini. Perkumpulan-perkumpulan silat bergerak sendiri-sendiri. Peraturan-peraturan masing-masing perkumpulan berlainan antara satu dengan yang lain. Tidak seperti, umpamanya, perkumpulan karate atau taekwando.

Pembentukan badan itu adalah semata-mata untuk menyesuaikan dengan keperluan undang-undang baru — Undang — Undang Pengajaran Seni Mempertahankan Diri — yang dikuatkuasakan pada 2 Disember 1974, yang mewajibkan semua

menyebabkan pertubuhan-pertubuhan ini memiliki keberatan soal-soal pertubuhan-pertubuhan seni mempertahankan diri dan untuk menjamin 'supaya orang-orang yang menguasai seni yang mereka pelajari tidak akan menyalahgunakan seni itu', adakah perlu dikenakan yuran yang begitu tinggi?

Mungkin yuran \$5 setahun yang dikenakan ke atas setiap murid, boleh dianggap rendah. Tetapi \$100 bagi instruktur?

Khusus bagi silat Melayu, ramai orang berpendapat, yuran yang dikenakan adalah tinggi. Ini dirasakan, kerana pada umumnya, badan-badan silat di sini, mengadakan klas-klas silat secara percuma dan kalaupun mengenakan yuran, kadarnya terlalu rendah untuk dapat menuduh mereka 'mencari untung'.

Mungkin jika ditimbukan alasan bahawa undang-undang itu adalah untuk memenuhi dua tujuan yang telahpun disebutkan di atas, tidak ada siapapun yang dapat menolak kebaikannya.

Tetapi tentulah sukar puja untuk diterima akal bahawa dengan mengenakan yuran yang tinggi, sudah ada jaminan bahawa kegiatan sebuah pertubuhan seni mempertahankan diri itu akan 'bersih' dari unsur-unsur yang tidak dingi-

Oleh



**Mohd
Guntor
Sadali**

menolak kebaikan tujuannya.

Yuran yang dianggap terlalu mahal itu telah menyebabkan setengah-setengah kumpulan itu bubar dengan sendirinya. Beberapa buah sekilat dalam beberapa buah persatuan Melayu di sini terpaksa mengambil langkah yang sama. Hanya beberapa buah persatuan besar yang mengira-ngra dapat 'tahan' membayar yuran itu, mendaritarkan nama di bawah undang-undang tersebut.

Beberapa buah persatuan yang mengamalkan seni itu secara batin, menghadapi masalah yang lain. Mereka tidak dapat menunjukkan 'guru' sebagaimana yang diperintah oleh undang-undang.

Dari sini timbul soalan, jika undang-undang itu dimaksudkan untuk mengawal pertubuhan-pertubuhan seni mempertahankan diri' dan untuk menjamin 'supaya orang-orang yang menguasai seni yang mereka pelajari tidak akan menyalahgunakan seni itu', adakah perlu dikenakan yuran yang begitu tinggi?

Mungkin yuran \$5 setahun yang dikenakan ke atas setiap murid, boleh dianggap rendah. Tetapi \$100 bagi instruktur?

Khusus bagi silat Melayu, ramai orang berpendapat, yuran yang dikenakan adalah tinggi. Ini dirasakan, kerana pada umumnya, badan-badan silat di sini, mengadakan klas-klas silat secara percuma dan kalaupun mengenakan yuran, kadarnya terlalu rendah untuk dapat menuduh mereka 'mencari untung'.

Mungkin jika ditimbukan alasan bahawa undang-undang itu adalah untuk memenuhi dua tujuan yang telahpun disebutkan di atas, tidak ada siapapun yang dapat menolak kebaikannya.

Tetapi tentulah sukar puja untuk diterima akal bahawa dengan mengenakan yuran yang tinggi, sudah ada jaminan bahawa kegiatan sebuah pertubuhan seni mempertahankan diri itu akan 'bersih' dari unsur-unsur yang tidak dingi-